

KERATAN AKHBAR

Syor buka TASKA KEMAS penuhi permintaan M40

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ber-cadang membuka Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) secara persendirian bagi memenuhi permintaan golongan M40.

Menterinya, Datuk Dr Abd Latiff Ahmad, berkata pihaknya mendapati banyak permintaan daripada golongan berkenaan untuk mendaftarkan anak mereka, namun tidak layak kerana pendapatan melebihi syarat ditetapkan.

Abd Latiff berkata, inisiatif itu tidak perlu menggunakan modal besar, sebaliknya hanya menggunakan bangunan sedia ada di negara ini.

"Kebanyakan golongan M40 ini tidak layak mendaftar anak mereka di KEMAS kerana gaji mereka terlebih sedikit sahaja daripada syarat ditetapkan.

"Jadi saya fikir ia tidak adil

kepada golongan ini, kerana mereka juga perlu menghantar anak ke TASKA berikutan kekangan kerja.

"Sebelum ini golongan M40 menghantar anak ke TASKA swasta dan dikenakan yuran tinggi sehingga RM600 sebulan, mungkin dengan KEMAS persendirian ini yuran dikenakan rendah sedikit berbanding sedia ada," katanya selepas melawat TASKA KEMAS Bunga Raya di Presint 11, di sini semalam.

Ditanya adakah TASKA KEMAS persendirian itu akan dibuka di seluruh negara, Abd Latiff berkata, ia bergantung permintaan dan mungkin boleh dimulakan dengan projek perintis untuk melihat kesesuaian.

"Antara yang mendapat permintaan tinggi ialah di Putrajaya, jadi kita akan fikirkan bagaimana untuk atasi masalah ini," katanya.

Mengenai lawatannya sama-



Abd Latiff berbual dengan Faruq Faruqi Mohd Fitri (kanan) dan Aisy Habib Hafiy Mohd Hanif ketika membuat lawatan ke TASKA Kemas Bunga Raya, Presint 11 Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

lam, Abd Latiff berpuas hati dengan prosedur operasi standard (SOP) dilaksanakan dan mendapati kemudahan digunakan sama seperti di kawasan luar bandar.

"Ini menunjukkan pembelajaran awal kanak-kanak ini menggunakan pendekatan sama, ti-

dak kira di bandar atau luar bandar.

"Selain itu, sistem pembelajaran juga diadakan secara penggiliran kerana tidak mahu kedudukan kanak-kanak dalam TASKA terlampau padat.

"Pihak TASKA perlu bahagikan kanak-kanak kepada dua kumpu-

lan, iaitu kumpulan pertama akan belajar di sekolah, manakala kumpulan kedua dipantau menerusi kelas dalam talian.

"Keesokan harinya, kumpulan kedua akan memasuki sekolah dan kumpulan pertama dipantau menerusi kelas dalam talian," katanya.

KETERANGAN AKHBAR